



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PERHIMPUNAN KESATUAN SEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) mengucapkan tahniah kepada Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) kerana berjaya menganjurkan Majlis Perhimpunan Kesatuan Sekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 pada hari ini.
2. Kerajaan menasarkankan satu (1) juta keanggotaan kesatuan akan dicapai pada tahun 2025 dan atas hasil usaha semua pihak, **satu (1) juta keanggotaan kesatuan sekerja** telah dicapai pada tahun ini. Sehingga **30 Oktober 2023**, jumlah keanggotaan kesatuan sekerja di negara ini adalah **seramai 1,008,371**. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada JHEKS dan semua kesatuan sekerja kerana telah sama-sama merealisasikan hasrat Kerajaan ini.
3. Berteraskan konsep Malaysia MADANI, KSM melalui JHEKS yang telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan inisiatif dan pengagihan peruntukan kepada kesatuan sekerja. Peruntukan ini adalah bagi membantu kesatuan-kesatuan menjalankan aktiviti berkesatuan agar peranan dan fungsi kesatuan dapat diperkukuhkan. Peruntukan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) Tahun 2024 telah diteruskan dengan jumlah peruntukan **sebanyak RM5.8 juta**. Pemberian peruntukan ini membuktikan komitmen Kerajaan dalam menyokong pergerakan kesatuan sekerja di negara ini.

4. Memandangkan Negara berada pada kedudukan *Tier 2 watchlist*, Kementerian berharap agar kedudukan ini berubah ke kedudukan yang lebih baik. Oleh itu, Kesatuan perlu bertindak sebagai mata dan telinga Kerajaan untuk melaporkan sebarang ketidakpatuhan undang-undang termasuklah aktiviti buruh paksa di tempat pekerjaan masing-masing. Kesatuan sekerja perlu dilihat sebagai rakan strategik kepada Kerajaan dan majikan serta berperanan untuk bersama-sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.
5. Rang Undang-Undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2023 Akta 262 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada **10 Oktober 2023** dan dijadual akan dibentang di Dewan Negara pada bulan November 2023. Justeru, Kementerian memerlukan sokongan berterusan daripada kesatuan sekerja ke atas pindaan Akta 262 ini terutamanya dalam isu kepelbagaian kesatuan sekerja (*multiplicity of unions*). Kerajaan juga telah mewujudkan mekanisme untuk memastikan keharmonian perusahaan dapat dipelihara dan kebajikan pekerja dapat terus diperkasa.
6. Sebagai Negara yang mengamalkan konsep tripartisme, Kerajaan mengiktiraf peranan kesatuan sekerja sebagai rakan sosial kepada Kerajaan dalam menyuarakan isu-isu berkaitan pekerja dan memastikan kebajikan serta hak-hak pekerja sentiasa terpelihara dan dilindungi.
7. Kesatuan sekerja juga berperanan untuk menyediakan perkhidmatan dan latihan secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran berkesatuan dalam kalangan pemimpin dan anggota kesatuan sekerja. Usaha ini penting bagi mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang matang dan progresif di Malaysia supaya ianya setara dengan kesatuan sekerja di peringkat antarabangsa.

YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
14 NOVEMBER 2023